

SURAH AL-QURAIISY

Surah Suku Quraisy

Surah (106) - Makkiyah - 4 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Kerana (mengenangkan ni'mat) kebiasaan kaum Quraisy.

(2)

2. Iaitu kebiasaan mereka melakukan perjalanan perniagaan pada musim sejuk dan panas.

(3)

3. Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'abah ini.

(4)

4. Yang telah mengurniakan makanan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan.

Allah 'Azzawajalla telah memperkenankan doa kekasih-Nya Nabi Ibrahim apabila beliau berdoa kepada-Nya selepas selesai membina rumah Ka'abah dan membersihkannya.

(126)

126. "Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini sebuah negeri yang aman sentosa dan kurniakanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya."

(Al-Baqarah)

Lalu Allah jadikan negeri ini aman sentosa dan bebas dari kuasa pemerintah-pemerintah yang zalim. Juga Dia jadikan orang-orang yang tinggal di sana aman sentosa walaupun negeri-negeri di sekelilingnya sentiasa diancam ketakutan sehingga sampai kepada zaman penduduk-penduduknya menyeleweng dari agama yang benar dan melakukan syirik terhadap Allah dengan menyembah berhala-berhala.

Ini semua dilakukan Allah kerana satu hikmat yang dikehendaki-Nya terhadap rumah suci itu. Apabila bala tentera bergajah datang untuk merobohkannya, mereka telah menerima akibat yang menghancurkan mereka sebagaimana yang diterangkan dalam Surah Al-Fil. Allah telah memelihara keamanan dan kesentosaan rumah ini dan menjaga kehormatannya sebagaimana yang diterangkan Allah.

(67)

67. "Tidakkah mereka melihat kami jadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman sentosa, sedangkan manusia (di negeri-negeri) di sekeliling mereka rompak-merompak."

(An-'Ankabut)

Peristiwa serangan bala Tentera Bergajah memberi kesan yang amat besar menambahkan kehormatan rumah Ka'abah di seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab juga meninggikan darjat penduduknya dan para penjaganya dari kaum Quraisy. Ini menolong mereka dapat menjelajah ke negeri-negeri lain dengan aman, kerana di mana sahaja mereka pergi, mereka dihormati dan dilayani dengan baik. Ini juga menggalakkan mereka mengadakan perjalanan perniagaan dua hala yang besar dengan angkatan-angkatan kafilah iaitu perjalanan ke Yaman di Selatan dan perjalanan ke Syam di Utara serta mengatur dua angkatan perniagaan yang besar, iaitu pertama kafilah perniagaan yang menuju ke Yaman pada musim sejuk, yang kedua angkatan kafilah perniagaan yang menuju ke Syam pada musim panas.

Walaupun keamanan jalan-jalan bukit di Semenanjung Tanah Arab dalam keadaan yang buruk dan penuh dengan kejadian samun-menyumun,

tetapi kehormatan Baitullah yang dirasakan di seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab telah menjamin keamanan dan keselamatan kepada penduduk-penduduknya dalam kegiatan-kegiatan perniagaan mereka. Kaum Quraisy telah diberikan suatu keistimewaan. Pintu-pintu rezeki dibuka luas di hadapan mereka dan mereka dapat berniaga dalam keadaan aman sentosa.

Mereka amat tertarik dengan dua perjalanan perniagaan yang menguntungkan itu sehingga kedua-duanya menjadi 'adat atau tradisi dalam kehidupan mereka. Inilah ni'mat kehidupan yang Allah peringatkan kaum Quraisy selepas kebangkitan Rasulullah sebagaimana Ia peringatkan mereka dengan peristiwa serangan bala Tentera Bergajah dalam Surah Al-Fil. Inilah ni'mat kebiasaan mereka melakukan dua perjalanan perniagaan pada musim dingin dan pada musim panas.

Itulah ni'mat rezeki yang mewah hasil dari dua perjalanan perniagaan itu, sedangkan negeri mereka kering-kontang. Mereka dapat hidup selesa dan senang dari limpah kurnia Allah. Itulah ni'mat keamanan dari ketakutan sama ada di kampung halaman mereka sendiri di sekitar Baitullah atau dalam perjalanan-perjalanan mereka ke negeri-negeri lain. Mereka selamanya berada dalam lindungan kehormatan rumah suci Ka'abah yang dipelihara Allah dari segala pencerobohan.

Allah mengingatkan kaum Quraisy dengan ni'mat-ni'mat itu supaya mereka merasa malu kerana menyembah yang lain dari Allah, sedangkan Allah itulah penaung rumah suci itu, mereka hidup aman sentosa dan dengan nama rumah suci itu mereka diberi layanan yang baik dalam perjalanan-perjalanan mereka dan mereka dapat pulang kembali dengan selamat.

Allah berfirman kepada kaum Quraisy: Kerana mengenangkan ni'mat kebiasaan orang Quraisy yang melakukan perjalanan perniagaan pada musim sejuk dan musim panas, maka sudah sewajarnya mereka menyembah Allah penaung rumah suci itu yang telah mengurniakan ni'mat keamanan kepada mereka; yang telah menjadikan mereka begitu biasa dan selesa dengan perjalanan-perjalanan perniagaan itu dan dari perniagaan-perniagaan inilah mereka memperoleh hasil keuntungan yang mewah.

Kerana itu:

(3)

3. Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'abah ini.

(4)

4. Yang telah mengurniakan makanan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan.

Mengikuti keadaan bumi negeri mereka, mereka sepatutnya sentiasa diancam kelaparan, tetapi Allah selamatkan mereka dengan bekalan-bekalan makanan dari kelaparan itu.

وَأَمَّنَّهُمْ مِّنْ خَوْفٍ

4. "Dan mengamankan mereka dari ketakutan."

Mengikuti keadaan mereka yang lemah dan keadaan 'alam sekitar di sekeliling mereka, mereka sepatutnya sentiasa diancam ketakutan, tetapi Allah amankan mereka dari ketakutan itu.

Itulah peringatan Allah yang sewajarnya menimbulkan rasa malu dalam hati kaum Quraisy. Mereka bukannya tidak tahu nilai Baitullah dan kesan kehormatannya dalam kehidupan mereka. Malah dalam saat-saat kesusahan dan duka-nestapa, mereka tidak memohon perlindungan melainkan kepada Tuhan rumah suci yang Tunggal itu sahaja.

Lihat sahaja Abdul Muttalib, ia tidak menentang angkatan tentera Abrahah dengan kekuatan askar, tetapi ia menentang Abrahah dengan Tuhan rumah suci yang mengawal sendiri rumah-Nya. Ia tidak menentang Abrahah dengan patung dan berhala-berhala, ia tidak berkata kepada Abrahah: "Tuhan-tuhan itu akan melindungi keselamatan rumah suci mereka, tetapi apa yang dikatakan kepada Abrahah ialah: "Saya adalah tuan kepada unta-unta yang dirampas engkau dan rumah ini mempunyai tuannya yang akan mempertahankannya." ... tetapi sayang kesesatan dan penyelewengan Zaman Jahiliyah tidak mengakui kebenaran dan pandangan akal yang baik.

Surah ini adalah lanjutan dari Surah al-Fil sebelumnya dari segi pokok persoalan dan suasana walaupun ia merupakan satu surah yang berasingan yang dimulakan dengan Bismillahir Rahmanir Rahim.

Menurut riwayat-riwayat hadith, di antara turunnnya Surah Al-Fil dengan Surah Quraisy adalah dipisahkan oleh sembilan surah yang lain, tetapi tertib kedua-dua surah ini dalam mashaf adalah disusun beriringan sesuai dengan pokok persoalan kedua-duanya yang hampir sama.